

20/06/2001

Kelebihan aplikasi IT dalam sistem perpustakaan

Mohd Hieزام Hashim

DUNIA sedang mengharungi satu lagi perubahan selepas revolusi pertanian dan perindustrian. Daripada kedua-dua revolusi terawal ini, ia mengubah budaya manusia. Begitu juga dengan revolusi teknologi maklumat, ia mengubah cara manusia berfikir dan bertindak.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, masyarakat yang menguasai maklumat akan menguasai dunia. Maklumat adalah aset strategik bagi pembangunan sebuah negara. Negara bermaklumat boleh mempengaruhi dunia dan mempunyai daya saing tinggi untuk mengatasi cabaran dan menguasai pasaran dunia.

Dalam melangkah ke alaf baru ini, ilmu digunakan untuk mengaplikasikan kepada kegunaan teknologi, mengenali alam sekitar, pengurusan organisasi kehidupan, penerokaan ilmu baru, penyebaran dan penyimpanan maklumat yang lebih efektif dan efisien.

Berasaskan faktor ini, pengukuran sesebuah negara atau rakyat yang kaya dengan maklumat berasaskan keupayaan sistem maklumat yang sistematik dan bersepadu kerana setiap rakyat memperoleh maklumat diperlukan daripada pelbagai lokasi dengan kadar yang cepat dan tepat.

Oleh itu, dalam era teknologi maklumat, (IT), maklumat dan ilmu pengetahuan tersebar luas secara global melalui kemudahan rangkaian dan infrastruktur telekomunikasi canggih. Untuk itu setiap gedung penyimpan maklumat seperti perpustakaan berpeluang mempelbagaikan dan mempertingkatkan perkhidmatan mereka melalui IT mengikut peredaran zaman.

Oleh itu secara keseluruhannya perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan adalah salah satu bahagian yang membantu pengguna membuat perancangan, penyelidikan dan pembelajaran. Ia merangkumi bantuan kepada pengguna dalam proses pencarian maklumat serta mendidik atau menunjukkan cara penggunaan alat bibliografi.

Pengaplikasian IT dalam perkhidmatan rujukan dan maklumat ini akan banyak membantu pengguna mendapatkan maklumat cepat dan tepat. Dalam pada itu ia dapat menjimatkan masa pengguna, penyelidik dan pihak pengurusan. Kepelbagaian koleksi seperti penggunaan terbitan elektronik dalam pelbagai media optik seperti CD-ROM, pangkalan data secara atas talian akan lebih memudahkan dari segi pengawalan bahan dan pengaksesan maklumat. Ini kerana CD-ROM mampu menyimpan sebanyak 600 mega bytes atau 1,600 disket biasa ataupun 200,000 muka surat pada satu cakera. Maka proses pencarian maklumat akan menjadi lebih pelbagai dan cekap.

Antara sebab diaplikasikan IT di dalam perkhidmatan perpustakaan adalah:

- * Membantu mengelakkan pembaziran masa
- * Mengelakkan tugas rutin yang berulang
- * Membantu meningkatkan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan
- * Membenarkan integrasi untuk aktiviti perkhidmatan rujukan dan maklumat
- * Meningkatkan keberkesanan dan prestasi perkhidmatan

Oleh kerana perluasan penggunaan IT dalam perpustakaan, ia akan memberi kesan kepada setiap unit dan kakitangan terbabit. Peralihan dan perubahan dari manual ke penggunaan IT akan membawa kesan kepada banyak pihak secara langsung dan tidak langsung.

Antaranya, perubahan dari segi dasar, prosedur kerja, aktiviti, aliran tugas dan sebagainya. Untuk mengurus perpustakaan berelektronik yang efektif, pembangunan sumber tenaga manusia di kalangan pustakawan perlu ditekankan dengan memberi pendedahan dan latihan secara berterusan untuk mengurus perpustakaan.

Perubahan ini dapat diterima oleh semua peringkat kakitangan yang terbabit. Perubahan yang berlaku memerlukan penyemakan semula struktur organisasi, sebagai contoh ia boleh disusun berdasarkan tiga komponen iaitu:

- * Pengendalian maklumat
- * Menilai keperluan pengguna
- Memberi perkhidmatan

Dengan penggunaan kemudahan IT, membolehkan pengawalan bahan-bahan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan teratur. Pinjaman dan penggunaan bahan oleh pengguna dapat dikawal dengan lebih berkesan. Pengumpulan statistik pengguna dan penggunaan bahan dapat dianalisis dengan tujuan untuk memperkukuhkan proses pengawalan bahan.

Penggunaan IT dalam perpustakaan juga membolehkan perkongsian maklumat dengan pusat maklumat dan perpustakaan di merata tempat dapat dilaksanakan sama ada merangka pangkalan data sendiri, atau secara bersama ataupun bekerjasama dalam memperoleh maklumat dalam pangkalan data.

Hakikatnya, proses memberi perkhidmatan maklumat ini bukan saja pada isi ilmu pengetahuan dan proses pengaplikasian untuk mendapatkannya akan tetapi apabila melangkah ke alaf ataupun abad globalisasi ini cabarannya bukan saja untuk meningkatkan tahap pengetahuan tetapi yang pentingnya menanganinya.

Didorong oleh jumlah statistik masyarakat Malaysia yang tidak gemar membaca, penggunaan perkhidmatan perpustakaan yang rendah di kalangan pelajar, suasana keilmuan yang kurang di kalangan ahli akademik dan mahasiswa, maka perlu digerakkan kesedaran untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang membaca dan yang mencintai buku dan ilmu.

Tujuan utamanya ialah untuk mewujudkan perancangan yang bersepadu bagi mendorong minat membaca di kalangan rakyat Malaysia dan meletakkan semula tradisi membaca di mercu yang tinggi dalam kehidupan manusia dan sebagai amalan kehidupan negara.

Oleh yang demikian manusia perlu membudayakan ilmu untuk seiring dengan perkembangan dunia dan zaman. Bukan saja dengan seiring dengan kemajuan pengaplikasian IT dalam perkhidmatan di perpustakaan, malah diharap dapat meningkatkan dan menjadikan perkhidmatan ini dan budaya membaca setanding atau seiring dengan kemajuan perkhidmatan di sektor lain.